



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

25 Mac 2021
11 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rezeki air naik• KLIP : Hasil laut terjejas
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Bot dinaiki 6 pemancing hilang di perairan Kemaman
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

AZHAR Che Mat menunjukkan ikan baung seberat 2.5 kg yang diperolehnya di Sungai Riau di kilometer 16, Jalan Sungai Lembing di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/ DIANA SURYA ABD WAHAB



Rezeki air naik

KUANTAN: Setiap kali hujan lebat dan berlaku limpahan air, ia pasti membawa rezeki kepada penduduk yang gemar menangkap ikan air tawar di Sungai Riau, di kilometer 16, Jalan Sungai Lembing, dekat sini.

Dengan menggunakan peralatan tradisional 'taut', Azhar Che Mat, 37, dari Kampung Bukit Kuin berjaya menangkap ikan baung seberat 2.5 kilogram (kg).

Azhar berkata, dia bersyukur apabila setiap kali air naik, mampu memperoleh pelbagai jenis ikan air tawar seperti baung, lampam, keli, sebarau dan semampamanya di kawasan dinaiki air.

"Saya mula meletakkan 15 mata taut dari pukul 8 malam semalam memandangkan hujan lebat dan air mula naik. Sekitar pukul 10 pagi tadi, saya hanya

berjaya mendapat seekor ikan baung seberat kira-kira 2.5 kg.

"Setakat ini, mungkin ini sahaja rezeki saya... bolehlah buat makan sendiri," katanya ketika ditemui di kilometer 16, Jalan Sungai Lembing di sini, semalam.

Azhar yang bekerja sebagai penyelia ladang berkata, kebiasaannya dia memperoleh banyak hasil tangkapan sehingga boleh menjana keuntungan.

"Saya memasang mata kaut banyak supaya hasilnya nanti banyak dan dijual dengan harga lebih kurang RM40 seekor.

"Kalau ikan bersaiz kecil saya makan sendiri, tetapi, untuk jual, biasanya bersaiz besar sehingga lima kilogram seekor.

"Ikan air tawar memang ramai peminat dan harganya memang mahal sedikit," katanya.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		

**Bina pelabuhan
ancam penyukarah**

Pemaju kena bina tukun tiruan

KLIP: Hasil laut terjejas

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) yang dijangka bermula April ini bukan sahaja berisiko mengganggu pendaratan penyukarah di sekitar pantai di Alor Gajah dekat sini, tetapi turut menjelaskan stok hasil laut.

Justeru, pemaju projek kerajaan negeri bernilai RM15 bilion itu perlu melabur meletakkan tukun-tukun tiruan terlebih dahulu sebelum memulakannya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perikanan negeri, Mohd. Fauzi Salehon berkata, perkara itu telah ditekankan kepada pemaju melibatkan beberapa kawasan yang dikenal pasti menjadi lokasi habitat dan pembiakan ikan.

"Jabatan Perikanan negeri menyarankan beberapa perkara yang perlu dilakukan pemaju sebelum memulakan projek KLIP ini termasuk melabur untuk meletakkan tukun-tukun tiruan di kawasan sasaran.

"Antara lokasi yang dikenal pasti berpotensi tinggi menjadi habitat dan pembiakan ikan adalah di Pulau Besar serta Pulau Undan," katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, KLIP bukan sahaja menimbulkan polemik kepada nelayan tetapi turut mengancam populasi penyukarah.

Semalam, Mohd. Fauzi menegaskan, Jabatan Perikanan telah mengingatkan dan menyarankan kepada kerajaan negeri agar tidak membenarkan sebarang pembangunan dilakukan di kawasan-kawasan rizah melibatkan pendaratan penyukarah.

Katanya, ia adalah langkah berjaga-jaga untuk memastikan spesies terancam itu dapat terus mendarat di negeri ini tanpa sebarang masalah.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, peletakan tukun perlu dilakukan lebih awal memandangkan kawasan penangkapan ikan menjadi kecil sekiranya projek itu mula dijalankan.

"Kita tidak mahu timbul konflik di masa hadapan yang mana para nelayan yang turun ke laut demi mencari rezeki akhirnya terpaksa pulang dengan tangan kosong gara-gara kawasan penangkapan kecil dan stok laut berkurang.

"Dari pihak kami, sudah pasti kita juga mahu bekalan hasil laut ini meningkat, bukannya berkurangan gara-gara pembangunan projek itu," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai pembinaan kelong, Mohd. Fauzi memberitahu, idea tersebut hanya sesuai untuk dijadikan sebahagian aktiviti rekreasi perikanan dan bukannya penternakan ikan.

MOHD. FAUZI SALEHON

KERATAN Utusan Malaysia 23 Mac lalu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			13	25/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

Bot dinaiki 6 pemancing hilang di perairan Kemaman

KEMAMAN - Enam lelaki dikhuatiri hilang selepas bot nelayan dinaiki mereka untuk memancing di perairan Kemaman dekat sini sejak Isnin lalu tidak pulang semula ke jeti mengikut jadual semalam.

Bot nelayan kelas A dinaiki kesemua lelaki tersebut termasuk seorang tekong bot berusia dalam lingkungan 19 hingga 29 tahun itu dikatakan berada pada kedudukan 35 batu nautika dari tenggara Kuala Kemaman dekat

sini sebelum dilaporkan gagal dikesan.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, Maritim Malaysia (APMM) telah menerima maklumat berhubung

kehilangan bot nelayan itu pada pukul 8.50 malam kelmarin.

"Bot nelayan yang dinaiki lima pemancing dan seorang tekong tersebut dikhuatiri mengalami kerosakan berikutan cuaca buruk di tengah laut ekoran peruba-

han monsun pada waktu ini.

"Operasi mencari dan menyelamat telah diaktifkan oleh Pusat Penyelaras Mencari dan Menyelamat Maritim Kuantan, Pahang," katanya kepada Kosmo di sini semalam.